

KPDNHEP nafi harga gula pasir kasar naik

Tular akibat kekeliruan atau disengajakan

Sajida Asarulah Khan

10 Julai 2018 11:54 AM



KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menafikan berlakunya kenaikan harga gula pasir kasar di pasaran seperti yang ditularkan dalam media sosial.-UTUSAN ONLINE

KUALA LUMPUR 10 Julai - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menafikan berlakunya kenaikan harga gula pasir kasar di pasaran seperti yang ditularkan dalam media sosial.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP, Datuk Mohd. Roslan Mahayudin menjelaskan, pihaknya telah menjalankan siasatan dan mendapati dakwaan tersebut tidak berasas.

"Gambar itu tidak benar, harga satu kilogram (kg) gula pasir kasar masih RM2.95 manakala gula pasir halus pula dijual dengan harga RM3.05. Kekeliruan berlaku kerana peniaga menyusun gula kasar dan gula halus secara bersebelahan dan pengguna menyangka harga gula telah dinaikkan.

"Atau ini mungkin sengaja dilakukan pihak tidak bertanggungjawab atas tujuan provokasi kepada kerajaan," katanya ketika dihubungi Utusan Online hari ini.



Tambah Mohd. Roslan, peniaga tidak dibenarkan menjual gula kasar melebihi harga yang ditetapkan iaitu RM2.95 sekilo kerana ia tertakluk di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan 2017).

Dalam pada itu, tinjauan Utusan Malaysia pagi ini di beberapa premis sekitar Cheras mendapati tiada perubahan harga pada gula pasir kasar seperti yang ditularkan. -

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kpdnhep-nafi-harga-gula-pasir-kasar-naik-1.706345>